

AirAsia tak mahu pindah KKIA, minta kerajaan hentikan keputusan 'gila'

The Malaysian Insider

August 12, 2015

Oleh Diyana Ibrahim

Syarikat penerbangan kos rendah AirAsia tidak akan berganjak dengan pendirian untuk tidak berpindah ke Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), menyifatkan arahan tersebut satu kesilapan oleh Putrajaya.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan AirAsia Tan Sri Tony Fernandes berkata Putrajaya perlu berhenti daripada sering membuat keputusan gila yang hanya akan merugikan sektor pelancongan negara.

Beliau juga meminta kerajaan untuk tidak mengulangi kesilapan seperti sebelum ini apabila meminta syarikat penerbangan berpindah daripada lapangan terbang tambang murah (LCCT) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2)

"Kita dipaksa untuk pergi ke klia2 yang jelas satu kesilapan. Kita (AirAsia) tahu apa yang perlu dibuat.

"Industri pelancongan di Sabah amat lemah sekarang ini. Berpindah ke Terminal 1 hanya akan menyebabkan lebih banyak kesesakan dan hanya membunuh industri pelancongan di Sabah.

"Sampai masanya Malaysia perlu berhenti daripada membuat keputusan gila," katanya kepada pemberita selepas majlis memperkenalkan duta baharu AirAsia di Kuala Lumpur hari ini.

Malah beliau juga mendedahkan, pihaknya menerima arahan yang berlainan daripada Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Abdul Aziz Kaprawi.

"Apa yang diberitahu Aziz kepada kita berlainan daripada kenyataannya," katanya.

Semalam, Aziz berkata semua syarikat penerbangan yang beroperasi di Terminal 2 KKIA perlu berpindah ke Terminal 1 lapangan terbang itu dalam masa terdekat bagi menampung lebih ramai penumpang dari dalam serta luar negara.

Beliau dilaporkan berkata, semua syarikat penerbangan termasuk AirAsia Berhad yang mahu kekal beroperasi di Terminal 2, diarah berpindah ke Terminal 1 pada 1 Ogos lepas.

AirAsia sebelum ini enggan berpindah, dengan alasan ia akan memberi kesan kepada operasi perniagaan dan peningkatan caj perkhidmatan penumpang daripada RM32 kepada RM65 seorang yang dikenakan terhadap penumpang antarabangsa, ketika ini.

"Operasi penerbangan AirAsia di Kota Kinabalu merupakan satu kejayaan besar untuk kita. Kerajaan perlu hargainya kerana ia naikkan jumlah pelancong. Menaikkan cukai lapangan terbang hanya akan mematikan industri.

"Kementerian Pengangkutan ada 2 wakil dalam MAHB, dan mereka tidak memberi gambaran jelas mengenai itu, termasuk membuat rundingan dengan kita. Sedangkan, mereka jelas dengan pendirian kita yang AirAsia sama sekali tidak akan berpindah. Ini satu keputusan tidak wajar," katanya.

Tony juga menyifatkan arahan pemindahan operasi ke Terminal 1 itu merupakan tindakan buli dan harus dihentikan.

"Arahan perpindahan adalah kepentingan monopoli (pihak tertentu). Di Terminal 1, tidak ada fasiliti yang terbaik, penyelenggaraan amat teruk, dengan penghawa dingin tidak berfungsi dan kita dipaksa untuk keluar. Ini merupakan satu perbuatan buli yang harus dihentikan," katanya.

Beliau juga turut mempersoalkan kerajaan yang didakwa tidak berhubung dengan AirAsia untuk melonjakkan industri pelancongan ketika nilai ringgit merudum.

"Seperti kementerian di Indonesia, mereka mengurangkan cukai lapangan terbang dan berhubung dengan AirAsia. Negara lain juga semua berhubung dengan syarikat penerbangan. Semua negara mahu bekerjasama dengan AirAsia.

"Kita bukan mahu bergaduh tetapi mahu menang-menang. Kerajaan perlu ajak AirAsia duduk bersama dan bincang bagaimana boleh naikkan kembali mata wang, tawar peluang pekerjaan, jadikan Sabah dari 3 juta pelancong yang datang hingga 6 juta," katanya. – 12 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/air-asia-tidak-mahu-pindah-kk-ia-minta-kerajaan-hentikan-keputusan-gila>